



PEMBERITAHUAN

WASPADA DENGAN SKIM BONUS YANG DITAWARKAN OLEH SEBUAH SYARIKAT TELEKOMUNIKASI

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ingin menegaskan bahawa pihaknya tidak pernah mengeluarkan sebarang e-mel atau mesej kepada orang awam untuk menuntut hadiah berupa wang tunai di bawah satu skim bonus yang ditawarkan oleh sebuah syarikat telekomunikasi.

E-mel berkenaan yang tular di media sosial antara lain mendakwa, hasil pemantauan yang dijalankan oleh Rangkaian Pemantauan Perisikan Siber mendapati si mangsa yang ditujukan mesej berkenaan masih mempunyai transaksi yang belum diselesaikan dengan syarikat Telekom Malaysia Berhad, iaitu sebagai pemenang hadiah wang tunai sebanyak RM270,000 di bawah skim TM Family Gift Bonus.

Sehubungan itu, orang ramai adalah diingatkan untuk sentiasa berwaspada dan tidak mudah terpedaya dengan e-mel atau mesej yang tidak ditentukan kesahihannya. Elak daripada memberikan butiran peribadi seperti kad dan nombor akaun bank kepada individu yang tidak dikenali. Kewaspadaan orang ramai adalah penting dalam melindungi diri daripada menjadi mangsa penipuan, kecurian maklumat peribadi serta bentuk jenayah yang lain.

Laporkan kepada pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) sekiranya menerima mesej atau e-mel yang berbaur penipuan oleh pihak yang tidak dikenali.

www.mcmc.gov.my